

08/05/2001

Pengisian kuota ikut keadaan semasa

Hassan Omar; Siti Zaayah Saedon

SINTOK, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cadangan kelonggaran kuota Bumiputera di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) tempatan untuk diisi pelajar bukan Bumiputera adalah berdasarkan keadaan semasa.

Katanya, jumlah kuota kemasukan pelajar ke IPTA setiap tahun pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera adalah sama tetapi sekiranya pada tahun itu kuota bilangan Bumiputera tidak dipenuhi, maka pelajar bukan Bumiputera mungkin dibenarkan mengisi kekosongan kuota itu.

Sebaliknya, kuota berkenaan akan diberikan kembali kepada pelajar Bumiputera tahun depan jika ia mampu dipenuhi pelajar Bumiputera, kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu meneliti jumlah kekosongan kuota itu secara lebih terperinci kerana setakat ini ia hanya diperkatakan tanpa mengetahui jumlah sebenar.

"Kita tidak boleh tutup (IPTA kepada pelajar bukan Bumiputera) jika pelajar Bumiputera tidak mampu mengisi kuota untuk mereka. Kemudahan disediakan untuk pelajar dan kita harus memenuhinya.

"Kita harus memberikan peluang kepada pelajar yang ingin melanjutkan pengajian. Bagaimanapun, sesetengah daripada mereka seolah-olah tidak berminat (dan) mereka tidak boleh kata tidak kepada mereka yang lain.

"Tahun depan ada banyak kuota lagi. Kita bagi kepada yang boleh isi. Ini untuk tahun ini saja, tahun depan lain," katanya selepas dialog tertutup dengan pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, hari ini.

Program sulung anjuran Sekretariat Timbalan Naib Canselor dengan kerjasama Biro Tatanegara (BTN) itu dihadiri 211 pemimpin MPP dari IPTA seluruh negara.

Ditanya mengenai cadangan parti Gerakan supaya pelajar bukan Bumiputera diberikan peluang melanjutkan pengajian ke Universiti Teknologi Mara (UiTM), beliau berkata, pelajar Bumiputera harus diberikan peluang yang lebih dalam bidang pendidikan kerana pencapaian mereka ketinggalan agak jauh berbanding pelajar bukan Bumiputera.

"Kita sering menerima fakta bahawa berdasarkan kelemahan Bumiputera, layanan khas harus diberikan kepada mereka.

"Di negara ini, kita menerima keperluan untuk memberikan peluang khas kepada Bumiputera," katanya.

Mengenai dialog itu, Dr Mahathir berkata, pelbagai soalan yang dikemukakan pelajar mempamerkan pendapat mereka yang tidak jauh berbeza dengan pendapat kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan perlu mencari kaedah sesuai merapatkan jurang perbezaan pendapat generasi golongan muda dengan golongan yang lebih tua daripada mereka.

(END)